

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

10 July 2015

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF.

Statistik terkini menunjukkan bahawa eksport Malaysia menurun 6.7% kepada RM60.6 bilion pada bulan Mei berbanding setahun yang lalu, penurunan sebanyak 8.8% berasaskan tahun ke tahun yang dicatatkan pada bulan April. Situasi ini turut memberi tekanan terhadap angka-angka akaun semasa serta keadaan defisit fiskal semasa yang terus memberi tekanan kepada matawang Ringgit. Sudah jelas, harga minyak mentah dan komoditi yang lemah (seperti minyak dan gas, kelapa sawit, getah asli dan produk berasaskan kayu balak) telah juga menambah tekanan kepada ekonomi.

Di negara China pula, pasaran saham telah menjunam dengan arah aliran yang menurun secara mendadak baru-baru ini merupakan penurunan terburuk dalam tempoh dua puluh tahun. Langkah-langkah drastik yang belum dilakukan sebelum ini oleh Kerajaan China untuk melindungi saham telah diambil seperti menghentikan dagangan di pasaran awam.

Hampir lebih daripada separuh saham tersenarai di dua bursa saham utama China kini dihentikan dagangannya yang memberikan kelegaan sementara kepada pemilik saham, tetapi menimbulkan kebimbangan bagi pemegang saham minoriti memandangkan mereka tidak diberikan peluang untuk menjual pegangan mereka. Keadaan ini juga tidak memberikan mereka peluang untuk membeli lebih banyak saham pada harga yang lebih murah jika mereka berhasrat untuk berbuat demikian.

Kami berpandangan sentimen di dalam pasaran saham mencerminkan persepsi pelabur terhadap fundamental penting dalam ekonomi sebenar. Kebimbangan kami lebih tertumpu kepada kesan penularan yang boleh menimpa pasaran kita, mengambilkira jumlah dagangan yang besar di antara negara kita dan China.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai tadbir urus awam. Kami berpandangan tadbir urus awam adalah sangat penting, mungkin lebih penting daripada tadbir urus korporat, memandangkan ia menetapkan nada dari tahap teratas. Kami ingin melihat tahap tadbir urus awam yang terbaik dan boleh dijadikan contoh dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu ini supaya ia boleh mewujudkan keyakinan di dalam pasaran bagi jangka masa panjang.

Rita

MSWG DI DALAM BERITA

KWAP CHIEF EXECUTIVE APPOINTED CHAIRMAN OF INSTITUTIONAL INVESTOR COUNCIL

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/07/03/KWAP-chief-executive-appointed-chairman-of-MSWG-council/?style=biz>

MSWG TO QUESTION KPJ'S LAND DISPOSAL, ACQUISITION IN EGM

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/07/08/mswg-to-raise-acquisition-and-disposal-issues-in-egm/?style=biz>

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

SC PERKENAL LANGKAH PERTINGKAT DAYA SAING INDUSTRI PENGURUSAN DANA

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) mengumumkan liberalisasi kepada peraturannya yang mentadbir industri pengurusan dana, yang membenarkan penubuhan syarikat pengurusan dana khidmat khusus (*boutique*) melalui struktur yang lebih dimudahcara.

Berkuat-kuasa serta-merta, pihak yang mempunyai kepakaran khusus dalam pengurusan dana boleh dilesenkan sebagai syarikat pengurusan dana khidmat khusus dengan modal berbayar sebanyak RM500,000 berbanding RM2 juta bagi syarikat pengurusan dana dengan perkhidmatan penuh.

Sejajar dengan falsafah pengawalseliaan SC yang menggalakkan keberkadaran kawal selia, keperluan pelesenan akan dibahagikan mengikut saiz dan skala perniagaan dan pelanggan. Syarikat pengurusan dana khidmat khusus boleh mengurus aset sehingga RM750 juta dengan pelanggan tidak melebihi 50 pelabur sofistikated.

SC juga memperkenalkan lesen urus niaga terhad secara khusus bagi penawaran sekuriti dan bon di kaunter melalui platform dalam talian, memberikan pelabur akses yang lebih luas kepada pasaran modal melalui model perniagaan yang berinovatif yang dipacu oleh teknologi.

[*Sumber: Siaran akhbar di laman web SC pada 8 Julai 2015*]

Pautan: http://www.sc.com.my/post_archive/sc-introduces-measures-to-enhance-competitiveness-of-fund-management-industry/]

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

HB GLOBAL LIMITED (“HBGL”)

Bursa Malaysia telah memberi amaran kepada pelabur susulan peningkatan mendadak harga saham HBGL baru-baru ini dan mengemukakan pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa (“UMA”) pada 7 Julai 2015. Pada 8 Julai 2015 HBLG memberikan jawapan bahawa para Pengarah dan pemegang saham utama syarikat tidak mengetahui mengenai apa-apa perkembangan korporat, khabar angin atau laporan mengenai perniagaan dan hal ehwal Kumpulan dan sebarang penjelasan lain yang mungkin telah menyumbang kepada aktiviti pasaran luar biasa tersebut.

Harga saham syarikat telah meningkat dengan ketara daripada RM0.045 pada 29 Jun 2015 kepada RM0.14 pada 8 Julai 2015.

[Sumber: Pengumuman HBGL di laman web Bursa Malaysia pada 7 Julai 2015 dan 8 Julai 2015]

KOMEN MSWG:

Harga saham HBGL meningkat sebanyak 311% dalam tempoh hanya seminggu di mana kami tidak dapat melihat sebarang perubahan di dalam asas-asas syarikat. Pemegang saham perlu sedar bahawa syarikat ini adalah di bawah Nota Amalan 17 (PN17) yang masih memohon untuk mendapatkan lanjutan masa bagi kali kedua bagi pelan regularisasi syarikat daripada pihak kawal selia yang berkenaan. Juga di dalam persekitaran berjaga-jaga dan tidak menentu ini, kami berharap pelabur sedar mengenai sebarang kemungkinan permohonan bagi lanjutan masa ditolak dan di mana dagangan saham HBGL mungkin digantung dan akhirnya dinyahsenaraikan.

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (“FGV”)

FGV telah memeterai Perjanjian Dasar Induk dengan Kumpulan Rajawali untuk mengambilalih:

- 37% kepentingan ekuiti bukan-kawalan di dalam Eagle High pada harga AS\$680 juta menerusi tunai sebanyak AS\$632 juta (RM2,380 juta) dan terbitan 95 juta saham baharu FGV bernilai AS\$47 juta (RM177 juta); dan
- 95% kepentingan ekuiti di dalam 47,700 hektar ladang tebu di Provinsi Papua, Indonesia pada harga AS\$67 juta secara tunai (RM252 juta).

Apabila selesai pemuktamadan proses usaha wajar yang dijangka tamat menjelang akhir Julai 2015, FGV akan memeterai perjanjian jual beli bersyarat di mana perjanjian tersebut adalah tertakluk kepada FGV memperoleh kelulusan daripada pemegang saham dan pihak berkuasa kawal selia.

Harga transaksi bagi Eagle High diterjemahkan kepada nilai sesaham sebanyak 774 Rupiah, mewakili premium sebanyak 72% atas harga dagangan terakhir sebanyak 450 Rupiah. Dari segi nilai perusahaan (*enterprise value per hectare*), ia adalah bersamaan dengan AS\$17,400 bagi setiap hektar.

Deposit sebanyak AS\$174.50 juta iaitu kira-kira 25% daripada harga pengambilalihan telah dibayar.

[Sumber: Pengumuman FGV di laman web Bursa Malaysia pada 17 Jun 2015]

KOMEN MSWG:

Kami telah mengadakan perbincangan dengan FGV pada 8 Julai 2015 di pejabat kami di mana kami telah membangkitkan kebimbangan kami dan memohon penjelasan mengenai cadangan pengambilalihan kepentingan sebanyak 37% di dalam Eagle High Plantations daripada Rajawali Capital, Indonesia. Pihak FGV telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato Mohd Emir Mavani Abdullah.

Antara isu yang telah dibangkitkan semasa perbincangan tersebut adalah:

1. Penilaian dan rasional yang diberikan oleh pihak FGV. Menurut FGV, ini merupakan

- masa terbaik untuk mengambilalih dan mengembangkan kawasan ladang memandangkan harga pasaran adalah rendah berikutan harga minyak sawit mentah (CPO) dan keadaan pasaran yang lemah (andaian menggunakan harga CPO sebanyak RM2,900 bagi unjuran aliran tunai).
 - FGV memerlukan rakan kongsi yang kukuh untuk menerokai perniagaan baharu di Indonesia dan Kumpulan Rajawali merupakan kumpulan utama di Indonesia yang mempunyai hubungan baik dengan persekitaran tempatan.
 - Profil usia pokok kelapa sawit FGV akan meningkat memandangkan purata profil usia pokok kelapa sawit Eagle High adalah 8 tahun.
 - Mereka dapat menggunakan kemahiran FGV di dalam Eagle High dan juga sebaliknya.
 - MSWG membangkitkan isu mengenai premium penilaian di mana kami berpandangan bahawa ia memerlukan penelitian yang lebih mendalam berkaitan dengan andaian yang digunakan. (Harga CPO sebanyak RM2,900 yang digunakan sebagai salah satu andaian perlu penelitian lanjut).
 - Mengenai purata usia yang lebih rendah, MSWG berpandangan gabungan dan pengiraan purata secara mudah adalah tidak munasabah memandangkan ia mengambilalih kepentingan sebanyak 37% sahaja, oleh itu hanya akan dapat memegang Eagle High sebagai syarikat bersekutu.
 - Tempoh masa bagi FGV untuk mendapat pulangan modal pelaburan dan kadar pulangan dalaman.
3. Wakil FGV memaklumkan bahawa apabila selesai proses usaha wajar, harga sebenar adalah tertakluk kepada hasil penyiasatan proses usaha wajar. Butiran hasil penyiasatan tersebut akan dizahirkan di dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham. (Pelabur sepatutnya menunggu hasil penyiasatan tersebut).
4. Mengenai jumlah deposit yang besar, wakil FGV menekankan bahawa deposit tersebut akan dipulangkan dengan faedah jika syarat-syarat yang dikenakan tidak dipenuhi seperti pemuktamadan penyiasatan proses usaha wajar dan mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak berikut:
- Lembaga Pengarah FGV
 - Pihak berkuasa Malaysia yang berkaitan
 - Pemegang saham FGV

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi HB Global Limited.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.